



**KHAS UNTUK SYARIKAT MILIKAN TUNGGAL: DEPOSIT UNTUK BERPELUANG MEMENANGI  
MITSUBISHI TRITON 4X4**

Dikemas kini pada 27 Januari 2024

**TEMPOH KEMPEN**

**Khas untuk Syarikat Milikan Tunggal: Deposit Untuk Berpeluang Memenangi Mitsubishi Triton 4X4 ("Kempen")** Hong Leong Bank Berhad (19340100023 (97141-X)) ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("HLISB") ("kemudian daripada ini disebut secara kolektif "Bank") bermula pada 01 Mac 2024 dan berakhir pada 30 Jun 2024 ("Tempoh Kempen"), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Terma dan syarat Kempen ("T&S") adalah seperti berikut:

**KELAYAKAN**

1. Tertakluk kepada T&S, Kempen ini terbuka kepada pelanggan empunya tunggal baharu dan sedia ada Bank yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 ("Pelanggan") yang mempunyai akaun sertaan/akaun sertaan-i dengan Bank ("Akaun Sertaan"):
  - (a) Akaun Pay&Save;
  - (b) Akaun Pay&Save-i;
  - (c) Hong Leong Akaun Semasa Asas;
  - (d) Hong Leong Akaun Semasa Asas-i;
  - (e) Hong Leong Akaun Semasa; dan
  - (f) Hong Leong Akaun Semasa-i.
2. Mana-mana Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan yang lain atau mana-mana pihak ketiga atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen) **TIDAK** layak menyertai Kempen ini.

**KAEDAH KEMPEN**

3. Sebagai syarat untuk menyertai Kempen ini dan melayakkan diri memenangi **Hadiah Utama** dan **Hadiah Bulanan ("Hadiah")** seperti dinyatakan di bawah Fasal 6 (**Jadual 3**), Pelanggan **MESTILAH** memenuhi sekurang-kurangnya **satu (1) Kriteria Kelayakan** seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah sepanjang Tempoh Kempen ("Pelanggan Layak"):

**Jadual 1**

Bil	Kriteria Kelayakan	Penyertaan
1	Membuka Akaun Pay&Save/Akaun Pay&Save-i	100
2	Membuka sebarang Akaun Sertaan yang lain	20
3	Pertambahan Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) dan ke atas berbanding baki Akaun Sertaan setakat 29 Februari 2024 dan 30 Jun 2024 (rujuk <b>Fasal 5</b> sebagai contoh).	100 penyertaan bagi setiap tambahan RM5,000

4. Rujuk bawah untuk contoh:

Jadual 2

Jenis Pelanggan	Baki Akaun Sertaan setakat 29 Februari 2024 (RM)	Baki Akaun Sertaan setakat 30 Jun 2024 (RM)	Tambahan (RM)	Penyertaan Diperoleh (#)	Keterangan
ETB	5,234	15,696	10,462	100 x 2 = 200	100 penyertaan diperoleh bagi setiap tambahan RM5,000
ETB	7,123	11,420	4,297	Tidak layak peroleh penyertaan	Tiada penyertaan diperoleh kerana tambahan adalah bawah RM5,000.
ETB	11,500	4,000	-7,500	Tidak layak peroleh penyertaan	N/A
NTB	N/A	15,234	15,234	100 x 3 = 300	100 penyertaan diperoleh bagi setiap tambahan RM5,000
NTB	N/A	4,789	4,789	Tidak layak peroleh penyertaan	Tiada penyertaan diperoleh kerana tambahan adalah bawah RM5,000.

5. Bagi mengelakkan keraguan:

- (a) "ETB" bermaksud pelanggan Bank Sedia Ada.
- (b) "NTB" bermaksud pelanggan Baharu Bank yang tidak mempunyai mana-mana Akaun Sertaan sedia ada dengan Bank dan membuka Akaun Sertaan dengan Bank antara 01 Mac 2024 hingga 30 Jun 2024.

#### PEMILIHAN PEMENANG

6. Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria seperti dinyatakan di bawah Fasal 3 di atas akan berpeluang memenangi Hadiah. Rujuk **Jadual 3** di bawah:

Jadual 3

Hadiah	Butiran	Bil. Pemenang (#)	Kekerapan	Pengumuman Pemenang
Hadiah Utama	Mitsubishi Triton 4x4	1	• Sekali sahaja	• 31 Ogos 2024
Hadiah Bulanan	Modal Perniagaan RM10,000	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mac 2024</li> <li>• April 2024</li> <li>• Mei 2024</li> <li>• Jun 2024</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 31 Mei 2024</li> <li>• 30 Jun 2024</li> <li>• 31 Julai 2024</li> <li>• 31 Ogos 2024</li> </ul>

7. Bagi mengelakkan keraguan, "**Modal Perniagaan**" bermaksud wang yang tersedia untuk membayai operasi sehari-hari dan mengembangkan perniagaan pada masa hadapan

8. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:

- (a) Setiap penyertaan akan diberi satu nombor rawak dan diletakkan dalam himpunan pemilihan Hadiah. Bagi mengelakkan keraguan, pemilihan untuk Hadiah Utama akan dilakukan pada akhir Tempoh Kempen dan pemilihan Hadiah Bulanan setiap bulan pada akhir bulan promosi sepanjang Tempoh Kempen.
- (b) Seterusnya lima puluh (50) nombor akan dipilih secara rawak daripada himpunan pemilihan Hadiah (“**Pelanggan Yang Disenarai Pendek**”).
- (c) Pelanggan Yang Disenarai Pendek akan dihubungi Bank melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) dan dikemukakan soalan berkaitan dengan Bank dan/atau Kempen. Pelanggan Yang Disenarai Pendek dikehendaki menjawab SMS dengan memberi jawapan betul dalam masa terpantas.
- (d) Pelanggan Saringan yang pertama membalas dengan memberi jawapan betul (dalam tempoh masa yang diberi seperti dinyatakan dalam SMS) bagi Hadiah Utama atau Hadiah Pertama Bulanan akan berhak memenangi Hadiah itu (“**Pemenang**”). Pelanggan Yang Disenarai Pendek hendaklah menanggung bayaran telekomunikasi standard yang dikenakan bagi setiap SMS yang dihantar kepada Bank.
- (e) Jika berlaku seri, iaitu apabila ada lebih daripada **satu (1)** Pelanggan Tersenarai yang dapat menjawab dengan betul pada masa yang sama dan sepatutnya menjadi Pemenang jika tidak berlaku seri, maka Pelanggan Yang Disenarai Pendek yang mempunyai jumlah pertambahan tertinggi seperti yang terakam dalam sistem Bank setakat tarikh Pengumuman Pemenang bagi setiap Hadiah akan menjadi Pemenang.
- (f) Bagi mengelakkan keraguan, SMS yang dihantar kepada Pelanggan Yang Disenarai Pendek akan berpandukan nombor telefon bimbit terkini yang dirakamkan dan dipaparkan dalam sistem dan/atau rekod Bank. Perkhidmatan SMS bagi Hadiah disediakan oleh Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (898379-U), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank (“**Infobip**”).
9. Setiap Pelanggan layak hanya boleh memenangi **satu (1) Hadiah Utama ATAU satu (1) Hadiah Bulanan** sepanjang Tempoh Kempen.
10. Jumlah Hadiah Bulanan yang diperuntukkan oleh Bank dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu (RM40,000)** sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

#### **PENGUMUMAN PEMENANG & PEMENUHAN SYARAT**

11. Hadiah Bulanan akan dikreditkan kepada **satu (1)** Pemenang pada setiap Tarikh Pemenuhan adalah seperti yang dinyatakan mengikut Jadual 4 di bawah. Semua Pemenang Hadiah Bulanan akan dihubungi oleh Bank melalui SMS sebaik sahaja Hadiah Bulanan telah dikreditkan kepada Akaun Sertaan masing-masing. Pelanggan Layak yang tidak menerima pemberitahuan tersebut dianggap tidak layak menerima Hadiah Bulanan.

**Jadual 4**

<b>Tempoh Transaksi</b>	<b>Tarikh Pemenuhan Syarat</b>
1 Mac 2024 – 31 Mac 2024	Pada 31 Mei 2024
1 April 2024 – 30 April 2024	Pada 30 Jun 2024
1 Mei 2024 – 31 Mei 2024	Pada 31 Julai 2024
1 Jun 2024 – 30 Jun 2024	Pada 31 Ogos 2024

12. Sekiranya Hadiah Bulanan tidak diterima selepas pemberitahuan SMS dibuat, para Pemenang berkenaan wajiblah memberitahu Bank secara bertulis tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari kerja selepas tarikh pemenuhan syarat, jika tidak, para Pemenang dianggap telah menerima Hadiah Bulanan itu dan apa-apa tuntutan untuk mendapat bayaran ganti tidak akan dilayan.

13. Para Pemenang dikehendaki memberi butiran nombor telefon bimbit yang terkini dan sah kepada Bank semasa Tempoh Kempen. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan berhak membatalkan penyertaan para Pemenang dan menyampaikan Hadiah itu kepada Pelanggan Layak yang lain sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemenang atas apa jua sebab sekalipun.
14. Akaun Sertaan Pemenang **MESTILAH** kekal sah/aktif dan berkedudukan baik sebelum tarikh pengkreditan dan Pemenang hendaklah tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma & Syarat Akaun Sertaan (secara kolektif disebut "**Terma dan Syarat Terpakai**"), jika tidak Pemenang akan secara automatik terlucut kelayakan menyertai Kempen.
15. Pemenang hendaklah berurus secara terus dengan pihak pengedar sah atas segala hal berkaitan dengan Maklumat Hadiah, pemenuhan syarat, pembayaran, penghantaran, tuntutan dan waranti. Pihak Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab menggantikan apa-apa barang yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja di pihak pengilang di bawah waranti atau sebaliknya). Pemenang hendaklah, atas tanggungan perbelanjaan sendiri, berurus dengan pembekal atas apa-apa pertikaian atau tuntutan berkait dengan barang tersebut tanpa bantuan Bank.
16. Sekiranya Bank mengadakan majlis penyampaian hadiah bagi Hadiah Utama, maka Pemenang yang terpilih akan dikehendaki hadir atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri untuk mengambil Hadiah Utama itu. Sekiranya Pemenang tidak dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah, maka Pemenang boleh mencalonkan seorang wakil untuk hadir di majlis penyampaian hadiah untuk menerima Hadiah Utama bagi pihak dirinya. Wakil tersebut akan dikehendaki menyerahkan surat kebenaran bertulis daripada Pemenang dan salinan fotostat Kad Pengenalan Pemenang (depan belakang).
17. Rekod pengkreditan Hadiah Bulanan akan dipaparkan dalam e-penjata bulanan Akaun Sertaan Pemenang. Sekiranya Pemenang mempunyai lebih daripada **satu (1)** Akaun Sertaan, maka Hadiah itu akan dikreditkan kepada akaun yang mempunyai baki akaun yang paling tinggi.
18. Setakat yang dibenarkan undang-undang, pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap segala liabiliti yang terbit daripada sebarang penangguhan atau kelewatan menyediakan Hadiah-hadiah Bulanan disebabkan keadaan luar jangka di luar kawalan munasabah Bank.
19. Pihak Bank akan mengeluarkan surat pemberitahuan ("**Pemberitahuan Pemenang**") kepada Pemenang dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh akhir Tempoh Kempen mengandungi butiran pengambilan Hadiah Utama. Hadiah Utama hanya boleh diambil daripada pengedar sah iaitu Kah Classic Auto Sdn Bhd (755724-U) ("**Kah Classic Auto**"). Tarikh pengambilan akan bergantung kepada tempoh menunggu kereta, yang akan dimaklumkan oleh Kah Classic Auto.

#### **TERMA DAN SYARAT HADIAH UTAMA**

20. Terma dan syarat Hadiah Utama adalah seperti berikut:
  - (a) Spesifikasi kereta standard sahaja. Tidak termasuk alat-alat aksesori pilihan;
  - (b) Spesifikasi kereta sebenar, model, tahun buatan dan/atau warna mungkin berbeza daripada visual yang diiklankan. Visual yang dipaparkan hanyalah sebagai tujuan ilustrasi sahaja;
  - (c) Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah Utama dalam sebarang bahan bergambar hanyalah untuk tujuan hiasan sahaja dan bukan menjadi sebahagian Hadiah Utama;
  - (d) Tidak termasuk caj dan perbelanjaan berikut yang akan ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama, iaitu cukai jalan, insurans/takaful, fi pemprosesan, fi timbangan, caj penghantaran, caj bahan api, perbelanjaan peribadi dan lain-lain kos sampingan berkaitan dengan penerimaan Hadiah Utama;
  - (e) Pemenang Hadiah Utama **MESTI** menuntut, mendaftar dan melunaskan segala caj/fi yang dinyatakan di dalam ini dengan pihak Kah Classic Auto sebelum mengambil Hadiah Utama, jika tidak Hadiah Utama akan dilupuskan. Pemenang Hadiah Utama wajib untuk berurus terus dengan pihak pengedar untuk melunaskan segala caj berkenaan seperti disebutkan di dalam ini; dan
  - (f) Sekiranya Hadiah Utama ditebus atas apa jua sebab sekalipun pada harga runcit lebih rendah



daripada harga runcit Hadiah Utama, maka perbezaan harga runcit itu tidak boleh ditukar ganti atau didapatkan balik dengan wang tunai, kredit, cek atau manfaat barang oleh Pemenang Hadiah Utama.

21. Penyerahan Hadiah Utama adalah tertakluk kepada ketersediaan kereta itu mengikut makluman yang dibuat oleh pengedar.
22. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Hadiah Utama yang tidak dituntut selepas **31 Disember 2024**. Sebarang tuntutan untuk Hadiah Utama selepas tarikh yang dinyatakan di atas ini tidak akan dilayan.
23. Hadiah Utama tidak termasuk sebarang insurans/takaful dan cukai berkenaan yang berkait dengan urusan mendapatkan Hadiah Utama. Sejauh yang dibenarkan undang-undang, pihak Bank tidak bertanggungjawab atas segala liabiliti yang berbangkit daripada penangguhan atau kelewatan menyediakan Hadiah Utama atau perubahan butiran Hadiah Utama atau keadaan luar jangka di luar kawalan munasabah Bank dan atas sebarang tindakan mungkir di pihak pengedar Hadiah Utama.
24. Bank tidak bertanggungjawab sama sekali atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kecurian Hadiah Utama dan sebarang permohonan untuk dapatkan gantian Hadiah Utama tidak akan dilayan oleh Bank. Pihak Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah Utama dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah Utama yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh pihak pengilang di bawah waranti atau sebaliknya). Pemenang hendaklah berurus terus dengan pengedar berkenaan atas segala maklumat waranti dan tuntutan tanpa bantuan Bank.
25. Bank juga tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan/masalah/kegagalan/isu-isu berkait dengan Hadiah Utama (sama ada berat atau ringan) sebelum atau selepas penebusan Hadiah Utama oleh Pemenang Hadiah Utama. Apa-apa isu berhubung dengan Hadiah Utama termasuk pindah milik Hadiah Utama kepada Pemenang Hadiah Utama) hendaklah diselesaikan antara Pemenang Hadiah Utama dengan pihak Kah Classic Auto dan/atau badan/pihak berkuasa berkaitan tanpa bantuan Bank.
26. Bank tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah Utama.
27. Pemberian Hadiah Utama adalah atas dasar “sebagaimana ada” dan sebarang permohonan atau rayuan untuk mengubah warna/spesifikasi Hadiah Utama tidak akan dilayan. Pemenang Hadiah Utama hendaklah berurus terus dengan Kah Classic Auto dan/atau pihak pengilang atas segala maklumat waranti dan tuntutan tanpa bantuan Bank.
28. Bank berhak mengganti Hadiah Utama dengan apa-apa barang lain yang sama nilai atas budi bicaranya tanpa memberi notis terlebih dahulu.

## **UMUM**

29. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak:
  - (a) mengesakan telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Terpakai;
  - (b) bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkait dengan Kempen adalah tepat, muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak;
  - (c) memberi keizinan dan kuasa kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada Infobip, Kah Classic Auto, penyedia pihak ketiga, pihak pembekal sah, pihak pengedar sah, termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan agensi promosi yang dianggap sesuai oleh Bank untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen ini;
  - (d) bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menggunakan nama dan/atau gambar foto Pemenang sebagai bahan untuk tujuan publisiti, tanpa memberi notis terlebih ahulu kepada Pemenang. Para Pemenang tidak berhak untuk menuntut hak milik atau apa-apa bentuk lain pampasan bagi bahan tersebut;



- (e) bersetuju untuk melayari laman web [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan/atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman Web Bank") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S;
  - (f) bersetuju bahawa Hadiah tidak boleh ditukar ganti dengan wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barang; dan
  - (g) bersetuju untuk dipertanggungjawabkan dan akan menanggung segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka menurut undang-undang terpakai, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
30. Bank berhak:
- (a) setelah memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang disenaraikan di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, untuk menamatkan Kempen, dengan cara menyiarkan penambahan, pengguguran, penggantungan atau pemindaan T&S tersebut atau penamatan Kempen ini dalam Laman Web Bank;
  - (b) melucutkan kelayakan Pelanggan Layak yang:
    - (i) pada masa lalu telah melakukan, atau semasa ini disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkait dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh Bank;
    - (ii) menghadapi prosiding kemuflisan, atau telah diisyiharkan muflis sama ada sebelum, semasa, atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
    - (iii) telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat Terpakai pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
  - (c) melupuskan dan menarik balik mana-mana Hadiah yang telah dibayar dan memulangkannya kepada himpunan dana terkumpul sekiranya dapat dikesan berlakunya penipuan atau keingkaran mana-mana T&S Kempen ini.
31. Di samping T&S yang disyaratkan di dalam ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syaratnya hendaklah dibaca bersama-sama T&S ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
32. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang disyaratkan di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkait atau bersabit dengan Kempen ini, maka T&Cs muktamad dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.
33. T&S Kempen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
34. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

**Akaun Sertaan-i adalah akaun deposit berlandaskan kontrak Syariah iaitu Tawarruq.**

**Ahli PIDM. Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).**

Jika anda mempunyai apa-apa kemosyikilan mengenai T&S ini dan/atau ingin mendapat senaskhah versi Bahasa Inggeris, sila hantar emel kepada [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)